

**Agong Titahkan Rakyat Malaysia Jaga Nama Baik Negara  
Bernama  
4 Sept, 2013  
Daripada Norhayati Mohd Akhir**

BANGKOK, 4 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah menitahkan rakyat Malaysia yang bermastautin di Thailand agar sentiasa menjaga nama baik dan imej negara.

Seri Paduka Baginda dalam titah nasihatnya turut meminta rakyat Malaysia agar sentiasa menghormati adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan dalam apa jua perkara yang dilakukan sepanjang berada di negara tersebut.

Ketika bertitah pada majlis santapan malam bersama rakyat Malaysia di Kedutaan Malaysia di sini Rabu, baginda turut menyentuh mengenai kepentingan hubungan Malaysia dan Thailand.

Majlis yang dihoskan oleh Duta Malaysia ke Thailand, Datuk Nazirah Hussain turut disertai Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Jumlah rakyat Malaysia yang kini menetap di Thailand adalah sebanyak 471 orang. Rata-rata rakyat Malaysia yang bermastautin di Bangkok ialah golongan ahli perniagaan dan pekerja professional.

Titahnya walaupun Malaysia-Thailand telah menjalinkan hubungan diplomatik sejak 1957, hubungan di antara negeri-negeri Melayu dan Siam dan perhubungan persahabatan dan kekeluargaan antara orang Melayu dan Siam telah terjalin sejak sekian lama.

Pada hari ini, titahnya, kerajaan dan rakyat Malaysia mempunyai kepentingan dalam pelbagai bidang seperti perdagangan dan pelaburan, pelancongan, pendidikan dan pertanian antaranya dengan negara Thailand.

"Beta percaya adalah penting bagi Malaysia untuk mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama di peringkat dua hala, serantau serta antarabangsa dengan negara ini," titahnya.

Tuanku Abdul Halim dalam pada itu melahirkan rasa sukacita terhadap Kelab Malaysia Bangkok yang aktif menjalankan pelbagai aktiviti sosial bagi mengeratkan hubungan di antara rakyat Malaysia.

Turut dipuji Seri Paduka ialah Dewan Perniagaan Malaysia-Thailand (MTCC) yang berjaya mengeratkan hubungan antara ahli perniagaan Malaysia dan tempatan.

"Beta berharap agar penglibatan aktif tersebut dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi di masa hadapan demi kemakmuran dan kepentingan rakyat kedua-dua negara," titah Seri Paduka.

Melahirkan rasa besar hati kerana berpeluang bertemu dan beramah mesra dengan rakyat Malaysia, Tuanku Abdul Halim turut berdoa agar rakyat Malaysia di negara itu sentiasa dilimpahi keberkatan rezeki, beroleh kejayaan dan kesejahteraan serta dijauhi sebarang malapetaka.

Terdahulu, Nazirah dalam ucapan aluannya berkata lawatan baginda membuka lembaran baharu kepada hubungan dua hala antara kedua-dua negara yang bukan sahaja melambangkan keakraban malah mengungkap makna tersendiri kerana ini merupakan lawatan kedua yang dilakukan Seri Paduka Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong.

"Ini merupakan satu penghormatan besar kepada rakyat Malaysia yang menetap di sini kerana majlis seumpama ini sememangnya dinanti-nantikan sebagai suatu wadah berkumpul dan berkongsi berita mengenai perkembangan semasa," katanya.

Nazirah dalam pada itu berkata beliau akan memastikan semua rakyat Malaysia di negara ini mengukuhkan iltizam untuk terus berusaha sebaik mungkin bagi memelihara nama baik negara.

Seri Paduka berdua sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke Thailand bermula Isnin lepas sebelum dijadualkan berangkat ke Vietnam Khamis ini.

Lawatan ke Thailand merupakan lawatan negara baginda yang ketiga bagi rantau Asean, selepas Indonesia dan Brunei tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975248>